

D.R. 15/2012

**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN
(LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

KUASA KHAS BAGI KESALAHAN KESELAMATAN

4. Kuasa penangkapan dan penahanan
5. Pemberitahuan kepada waris kadim dan rundingan dengan pengamal undang-undang
6. Kuasa untuk memintas komunikasi

BAHAGIAN III

**TATACARA KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN PERANTI PENGAWASAN
ELEKTRONIK**

7. Tatacara khas yang berhubungan dengan peranti pengawasan elektronik

BAHAGIAN IV

TATACARA KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN MAKLUMAT SENSITIF

8. Maklumat sensitif yang hendak digunakan sebagai keterangan oleh Pendakwa Raya
9. Notis mengenai niat tertuduh untuk menzahirkan maklumat sensitif
10. Pendengaran mengenai penzahiran maklumat sensitif oleh tertuduh
11. Maklumat sensitif yang berbangkit semasa perbicaraan

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN V

PERBICARAAN

Fasal

12. Perbicaraan kesalahan keselamatan
13. Jaminan

BAHAGIAN VI

TATACARA KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN SAKSI YANG DILINDUNGI

14. Keterangan saksi diberikan dengan cara khas
15. Pengecaman oleh saksi jika keterangan diambil secara tertutup
16. Perlindungan identiti saksi

BAHAGIAN VII

KETERANGAN

17. Ketidakselarasan dengan Akta Keterangan 1950
18. Pernyataan mana-mana orang yang sudah mati, dsb.
19. Sabitan berdasarkan testimoni kanak-kanak dalam usia mentah
20. Dokumen yang disita semasa serbuan atau semasa penyiasatan
21. Keterangan mengenai pengecaman tertuduh atau orang lain
22. Senarai pengeledahan hendaklah diterima sebagai keterangan
23. Tidak mengemukakan ekshibit
24. Kebolehterimaan komunikasi yang dipintas
25. Kebolehterimaan dokumen yang dihasilkan oleh komputer dan pernyataan yang terkandung dalamnya
26. Keterangan oleh rakan sejenayah dan ejen provokasi

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

27. Kuasa untuk merekod pernyataan dan pengakuan salah
28. Perlindungan pemberi maklumat

Fasal

29. Akses oleh polis kepada tahanan atau banduan
30. Penahanan sementara menunggu proses undang-undang habis
31. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
32. Pemansuhan dan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia—

- (1) untuk menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta, atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu;
- (2) untuk membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong;
- (3) yang memudaratkan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau yang memudaratkan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya; atau
- (4) untuk mendapatkan perubahan, selain dengan cara yang sah, apa-apa jua yang ditetapkan melalui undang-undang;

DAN BAHAWASANYA Parlimen berpendapat bahawa adalah perlu tindakan itu dihentikan;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemakaian

2. Akta ini hendaklah terpakai bagi kesalahan keselamatan.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kesalahan keselamatan” ertinya kesalahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Sesyen;

“maklumat sensitif” ertinya apa-apa dokumen, maklumat dan bahan—

(a) yang berhubungan dengan Jemaah Menteri, jawatankuasa Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; atau

(b) yang menyentuh kedaulatan, keselamatan negara, pertahanan, ketenteraman awam, dan hubungan antarabangsa,

sama ada atau tidak dikelaskan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad” oleh seorang menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik oleh seorang menteri;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri;

“saksi yang dilindungi” ertinya seorang saksi yang pendedahannya akan menjejaskan pengumpulan keterangan atau risikan atau membahayakan nyawa dan keselamatan dirinya.

BAHAGIAN II

KUASA KHAS BAGI KESALAHAN KESELAMATAN

Kuasa penangkapan dan penahanan

4. (1) Seorang pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap dan menahan mana-mana orang yang berkenaan dengannya dia mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) hendaklah dimaklumkan dengan seberapa segera yang boleh alasan dia ditangkap oleh pegawai polis yang membuat tangkapan itu.

(3) Tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya.

(4) Orang yang ditangkap dan ditahan di bawah subseksyen (1) itu boleh ditahan untuk tempoh selama dua puluh empat jam bagi maksud penyiasatan.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), seorang pegawai polis yang berpangkat Penguasa Polis atau berpangkat lebih tinggi daripada Penguasa Polis boleh melanjutkan tempoh tahanan untuk tempoh yang tidak lebih daripada dua puluh lapan hari, bagi maksud penyiasatan.

(6) Jika pegawai polis itu berpendapat bahawa tahanan lanjut tidak diperlukan di bawah subseksyen (5), orang itu boleh dilepaskan tetapi suatu peranti pengawasan elektronik boleh dipasangkan pada orang itu mengikut subseksyen (7) dan (8) bagi maksud penyiasatan.

(7) Jika pegawai polis itu bercadang untuk memasang suatu peranti pengawasan elektronik kepada orang itu apabila orang itu dilepaskan, pegawai polis itu hendaklah mengemukakan suatu laporan mengenai penyiasatan itu kepada Pendakwa Raya.

(8) Apabila laporan di bawah subseksyen (7) diterima, Pendakwa Raya boleh memohon kepada Mahkamah supaya orang itu dipasangkan dengan peranti pengawasan elektronik mengikut peruntukan dalam Bahagian III bagi suatu tempoh yang tidak melebihi baki tempoh tahanan yang dibenarkan di bawah subseksyen (5).

MISALAN

D telah ditahan untuk kesalahan keselamatan. Selepas tahanan selama dua puluh empat jam seorang Penguasa Polis melanjutkan tahananannya selama tujuh hari lagi. Apabila habis tempoh tujuh hari *D* telah dilepaskan tetapi dia masih diperlukan untuk membantu penyiasatan. Apabila laporan oleh pegawai polis diterima, Pendakwa Raya boleh memohon kepada Mahkamah supaya suatu peranti pengawasan elektronik dipasang pada *D*. Mahkamah boleh membenarkan peranti pengawasan elektronik dipasang pada *D* sehingga tempoh dua puluh satu hari.

(9) Satu minggu sebelum habis tempoh tahanan di bawah subseksyen (5), pegawai polis yang menjalankan penyiasatan itu hendaklah mengemukakan kertas siasatan kepada Pendakwa Raya.

(10) Seksyen ini mempunyai kuat kuasa walau apa pun jua yang berlawanan dengan Perkara 5 dan 9 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

(11) Subseksyen (5) hendaklah disemak tiap-tiap lima tahun dan hendaklah terhenti berkuat kuasa melainkan jika, apabila semakan dibuat, suatu ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa peruntukan itu.

(12) Bagi maksud seksyen ini, “kepercayaan politik atau aktiviti politik” ertinya penglibatan dalam aktiviti yang sah di sisi undang-undang melalui—

(a) pernyataan pendapat atau pengambilan tindakan yang dibuat menurut rukun sesuatu parti politik yang pada masa yang berkaitan itu berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] yang terbukti melalui—

(i) keanggotaan atau sumbangan kepada parti itu; atau

- (ii) penyertaan terbuka dan aktif dalam hal ehwal parti itu;
- (b) pernyataan pendapat yang ditujukan terhadap mana-mana Kerajaan di dalam Persekutuan; atau
- (c) pengambilan tindakan yang ditujukan terhadap mana-mana Kerajaan di dalam Persekutuan.

Pemberitahuan kepada waris kadim dan rundingan dengan pengamal undang-undang

5. (1) Apabila seseorang ditangkap dan ditahan di bawah seksyen 4, pegawai polis yang menjalankan penyiasatan hendaklah—

- (a) dengan segera memberitahu waris kadim kepada orang itu mengenai tangkapan dan penahanan orang itu; dan
- (b) tertakluk kepada subseksyen (2), membenarkan orang itu untuk berunding dengan pengamal undang-undang pilihannya.

(2) Seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penguasa Polis boleh membenarkan penangguhan tidak lebih daripada empat puluh lapan jam untuk rundingan di bawah perenggan (1)(b) jika pegawai polis itu berpendapat bahawa—

- (a) terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa penggunaan hak itu akan mengganggu keterangan yang berkaitan dengan kesalahan keselamatan;
- (b) ia akan menyebabkan kecederaan kepada orang lain;
- (c) ia akan menyebabkan amaran diberikan kepada orang lain yang disyaki melakukan kesalahan itu tetapi masih belum ditangkap; atau
- (d) ia akan menghalang harta yang diperoleh akibat kesalahan itu daripada didapatkan.

(3) Seksyen ini mempunyai kuat kuasa walau apa pun yang berlawanan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan.

Kuasa untuk memintas komunikasi

6. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Pendakwa Raya, jika Pendakwa Raya berpendapat bahawa sesuatu berkemungkinan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan keselamatan, boleh membenarkan mana-mana pegawai polis—

- (a) untuk memintas, menahan dan membuka apa-apa barang pos dalam masa penghantaran melalui pos;
- (b) untuk memintas apa-apa mesej yang dihantar atau diterima oleh mana-mana komunikasi; atau
- (c) untuk memintas atau mendengar apa-apa perbualan melalui mana-mana komunikasi.

(2) Pendakwa Raya, jika Pendakwa Raya berpendapat bahawa sesuatu berkemungkinan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan komunikasi suatu kesalahan keselamatan, boleh—

- (a) menghendaki pemberi perkhidmatan komunikasi untuk memintas dan menyimpan perihalan yang diterima atau dihantar yang tertentu, atau yang akan diterima atau dihantar oleh pemberi perkhidmatan komunikasi itu; atau
- (b) membenarkan pegawai polis untuk memasuki mana-mana premis dan untuk memasang di premis itu, apa-apa peranti bagi pemintasan dan penyimpanan komunikasi tertentu atau komunikasi daripada perihalan yang tertentu dan untuk memindahkan dan menyimpan keterangan itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Penguasa Polis boleh—

- (a) memintas, menahan dan membuka apa-apa barang pos dalam masa penghantaran melalui pos;
- (b) memintas apa-apa mesej yang dihantar atau diterima oleh mana-mana komunikasi; atau
- (c) memintas atau mendengar apa-apa perbualan melalui mana-mana komunikasi,

tanpa kebenaran Pendakwa Raya dalam hal mendesak dan mendadak yang memerlukan tindakan segera tanpa masa untuk berfikir panjang.

(4) Jika seorang pegawai polis telah bertindak di bawah subseksyen (3), pegawai polis itu hendaklah dengan segera memaklumkan Pendakwa Raya mengenai tindakannya itu dan sesudah itu dia hendaklah disifatkan sebagai telah bertindak di bawah kebenaran Pendakwa Raya.

(5) Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang apa-apa kebenaran oleh Pendakwa Raya di bawah seksyen ini.

(6) Seksyen ini mempunyai kuat kuasa walau apa pun yang berlawanan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan.

(7) Bagi maksud seksyen ini—

“komunikasi” ertinya suatu komunikasi yang diterima atau dihantar melalui pos atau suatu komunikasi telegraf, komunikasi telefon atau komunikasi lain yang diterima atau dihantar melalui cara elektrik, magnetik atau cara lain;

“pemberi perkhidmatan komunikasi” ertinya seseorang yang memberikan perkhidmatan bagi penghantaran atau penerimaan komunikasi.

BAHAGIAN III

TATACARA KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN PERANTI PENGAWASAN ELEKTRONIK

Tatacara khas yang berhubungan dengan peranti pengawasan elektronik

7. (1) Apabila permohonan oleh Pendakwa Raya dibuat di bawah seksyen 4, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya orang itu dipasangkan dengan suatu peranti pengawasan elektronik bagi tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah tetapi tempoh itu hendaklah tidak melebihi baki tempoh tahanan yang dibenarkan di bawah subseksyen 4(5) bagi maksud penyiasatan.

(2) Mahkamah hendaklah menjelaskan pengendalian peranti pengawasan elektronik serta terma dan syarat peranti pengawasan elektronik itu kepada orang itu.

(3) Orang itu hendaklah menandatangani suatu borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan menandatangani borang itu dengan Mahkamah.

(4) Orang itu hendaklah dipasangkan dengan peranti pengawasan elektronik oleh seorang pegawai polis.

(5) Orang itu hendaklah mematuhi semua terma dan syarat peranti pengawasan elektronik dan hendaklah melaporkan diri di balai polis yang terdekat pada masa yang dinyatakan dalam borang itu.

(6) Mana-mana orang yang tidak mematuhi terma dan syarat di bawah subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

(7) Mana-mana orang yang mengganggu atau merosakkan peranti pengawasan elektronik melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan orang itu bolehlah dipertanggungjawabkan untuk membayar apa-apa kerosakan kepada peranti pengawasan elektronik itu yang berbangkit daripada perbuatannya.

(8) Apabila habis tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), orang itu hendaklah melaporkan diri di balai polis yang terdekat untuk membuka peranti pengawasan elektronik itu.

(9) Seksyen ini mempunyai kuat kuasa walau apa pun yang berlawanan dengan Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan.

BAHAGIAN IV

TATACARA KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN MAKLUMAT SENSITIF

Maklumat sensitif yang hendak digunakan sebagai keterangan oleh Pendakwa Raya

8. (1) Walau apa pun seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah, jika perbicaraan kesalahan keselamatan melibatkan perkara yang berhubungan dengan maklumat sensitif Pendakwa Raya boleh, sebelum permulaan perbicaraan, memohon melalui permohonan *ex parte* kepada mahkamah untuk dikecualikan daripada kewajipan di bawah seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Pendakwa Raya hendaklah menzahirkan kepada mahkamah niat untuk mengemukakan maklumat sensitif sebagai keterangan terhadap tertuduh itu semasa perbicaraan dan mahkamah hendaklah membenarkan permohonan di bawah subseksyen (1) itu.

(3) Mahkamah hendaklah melihat maklumat sensitif itu dan dokumen lain yang berhubungan dengan maklumat sensitif itu dan mahkamah hendaklah, sebagai ganti serahan dokumen oleh Pendakwa Raya kepada tertuduh itu, memerintahkan Pendakwa Raya supaya mengemukakan—

- (a) suatu pernyataan yang menyatakan fakta berkaitan yang akan dibuktikan oleh maklumat sensitif itu; atau
- (b) suatu ringkasan mengenai maklumat sensitif itu,

untuk diterima sebagai keterangan.

(4) Apabila pernyataan atau ringkasan mengenai maklumat sensitif itu diserahkan menurut seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah, jika tertuduh membantah terhadap penerimaan masuk pernyataan atau ringkasan mengenai maklumat sensitif itu sebagai keterangan, peguam tertuduh itu hendaklah dibenarkan untuk—

- (a) melihat maklumat sensitif itu;
- (b) mengemukakan hujah membantah penerimaan masuk pernyataan atau ringkasan mengenai maklumat sensitif itu dalam perbicaraan; dan
- (c) mengemukakan hujah supaya maklumat sensitif itu dizahirkan kepada tertuduh.

(5) Pendakwa Raya hendaklah kemudiannya mengemukakan penghujahan pematahan.

(6) Pendengaran itu hendaklah diadakan secara tertutup.

(7) Selepas pendengaran penghujahan Pendakwa Raya, mahkamah hendaklah memutuskan sama ada—

- (a) pernyataan atau ringkasan mengenai maklumat sensitif itu boleh diterima sebagai keterangan; atau
- (b) maklumat sensitif itu hendaklah dizahirkan kepada tertuduh itu.

(8) Keputusan mahkamah di bawah seksyen ini tidak boleh dirayu.

Notis mengenai niat tertuduh untuk menzahirkan maklumat sensitif

9. (1) Jika seorang tertuduh semunasabahnya menjangkakan untuk menzahirkan atau menyebabkan dizahirkan maklumat sensitif dengan apa-apa cara dalam pembelaannya, tertuduh itu hendaklah, memberikan dua hari notis kepada Pendakwa Raya dan mahkamah secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian.

(2) Notis itu hendaklah termasuk perihalan ringkas mengenai maklumat sensitif itu.

(3) Apabila seorang tertuduh mengetahui adanya maklumat sensitif tambahan yang dia semunasabahnya menjangkakan untuk menzahirkan dalam perbicaraannya, tertuduh itu hendaklah memberikan dua hari notis kepada Pendakwa Raya dan mahkamah secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan notis itu hendaklah termasuk perihalan ringkas mengenai maklumat sensitif itu.

(4) Tiada seorang tertuduh pun boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diketahui atau dipercayai sebagai sensitif berkaitan dengan perbicaraannya sehingga notis diberikan di bawah seksyen ini dan sehingga mahkamah membuat keputusan menurut tatacara dalam seksyen 10.

(5) Jika tertuduh itu tidak mematuhi kehendak dalam seksyen ini, mahkamah boleh menghalang penzahiran apa-apa maklumat sensitif yang tidak menjadi subjek notis dan boleh melarang pemeriksaan mana-mana saksi mengenai apa-apa maklumat sedemikian oleh tertuduh itu.

Pendengaran mengenai penzahiran maklumat sensitif oleh tertuduh

10. (1) Apabila notis di bawah seksyen 9 diterima daripada tertuduh mahkamah hendaklah menjalankan pendengaran secara tertutup.

(2) Tertuduh itu hendaklah mengemukakan maklumat sensitif itu kepada mahkamah.

(3) Mahkamah hendaklah melihat maklumat sensitif itu dan memutuskan keberkaitan maklumat sensitif itu dalam perbicaraan.

(4) Jika mahkamah memutuskan bahawa maklumat sensitif itu adalah berkaitan mahkamah hendaklah menjalankan perbicaraan secara tertutup.

Maklumat sensitif yang berbangkit semasa perbicaraan

11. (1) Jika dalam masa menjalankan perbicaraan mahkamah mengeluarkan saman kepada Pendakwa Raya supaya mengemukakan suatu dokumen di bawah seksyen 51 Kanun Tatacara Jenayah dan dokumen itu mengandungi maklumat sensitif, Pendakwa Raya hendaklah mengemukakan dokumen itu untuk mahkamah merujuk kepada dokumen itu.

(2) Mahkamah setelah merujuk kepada dokumen itu hendaklah memutuskan keberkaitan dokumen itu dalam perbicaraan itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), jika mahkamah memutuskan bahawa dokumen itu adalah berkaitan mahkamah hendaklah kemudiannya memerintahkan Pendakwa Raya untuk mengemukakan—

(a) suatu pernyataan yang menyatakan fakta berkaitan yang akan dibuktikan oleh maklumat sensitif itu; atau

(b) suatu ringkasan mengenai maklumat sensitif itu,

untuk diterima sebagai keterangan.

(4) Mahkamah tidak boleh memerintahkan Pendakwa Raya untuk mengemukakan apa-apa—

(a) pernyataan yang menyatakan fakta berkaitan yang akan dibuktikan oleh maklumat sensitif itu; atau

(b) ringkasan mengenai maklumat sensitif itu,

jika Menteri memperakui bahawa pengemukakan pernyataan atau ringkasan itu akan memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara.

BAHAGIAN V

PERBICARAAN

Perbicaraan kesalahan keselamatan

12. Semua kesalahan keselamatan hendaklah dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi.

Jaminan

13. (1) Jaminan tidak boleh diberikan kepada seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan keselamatan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

(a) seorang yang berumur di bawah lapan belas tahun;

(b) seorang perempuan; atau

(c) seorang yang sakit atau seorang yang uzur,

yang dipertuduh atas suatu kesalahan keselamatan, selain suatu kesalahan di bawah Bab VIA Kanun Keseksan [*Akta 574*], boleh dilepaskan dengan jaminan tertakluk kepada suatu permohonan oleh Pendakwa Raya supaya peranti pengawasan elektronik dipasang kepada orang itu mengikut Kanun Tatacara Jenayah.

BAHAGIAN VI

TATACARA KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN SAKSI YANG
DILINDUNGI**Keterangan saksi diberikan dengan cara khas**

14. (1) Walau apa pun Perkara 5 Perlembagaan Persekutan dan seksyen 264 Kanun Tatacara Jenayah, jika pada bila-bila masa semasa perbicaraan bagi kesalahan keselamatan, mana-mana saksi pendakwaan yang enggan identitinya didedahkan dan mahu memberikan keterangan dalam cara yang dia tidak dapat dilihat atau didengar oleh kedua-dua tertuduh dan peguamnya, Pendakwa Raya boleh membuat suatu permohonan secara lisan kepada mahkamah supaya tatacara dalam seksyen ini terpakai.

(2) Bagi maksud memuaskan hatinya tentang keperluan untuk melindungi identiti saksi itu, mahkamah hendaklah mengadakan suatu siasatan secara tertutup dengan menyoal saksi yang berkenaan itu atau mana-mana saksi lain tanpa kehadiran tertuduh dan peguamnya.

(3) Jika selepas siasatan itu mahkamah berpuas hati tentang keperluan untuk melindungi identiti saksi itu, keterangan saksi itu hendaklah diberikan dalam cara yang dia tidak dapat dilihat oleh tertuduh dan peguamnya tetapi boleh dilihat oleh mahkamah; dan selanjutnya jika saksi itu bimbang suaranya akan dicam, keterangannya hendaklah diberikan dalam cara yang dia tidak dapat didengar oleh tertuduh dan peguamnya.

(4) Mahkamah boleh melarang apa-apa soalan untuk dikemukakan kepada saksi itu tentang nama, alamat, umur, pekerjaan, rasnya atau butir-butir lain atau apa-apa soalan lain yang pada pendapat mahkamah akan menyebabkan saksi itu dicam.

Pengecaman oleh saksi jika keterangan diambil secara tertutup

15. Jika semasa mengambil keterangan di bawah seksyen 14 tertuduh atau mana-mana orang lain dikehendaki untuk dicam oleh saksi yang memberikan keterangan dengan cara yang diperuntukkan dalam seksyen itu, pengecaman itu boleh dibuat oleh saksi melalui seorang jurubahasa atau pegawai lain mahkamah.

Perlindungan identiti saksi

16. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, apa-apa laporan melalui apa-apa cara mengenai saksi yang dilindungi tidak boleh mendedahkan atau mengandungi—

- (a) nama;
- (b) alamat;
- (c) gambar saksi yang dilindungi atau mana-mana orang lain, tempat atau benda yang boleh menyebabkan saksi yang dilindungi itu dicam; atau
- (d) apa-apa keterangan atau apa-apa benda lain yang berkemungkinan menyebabkan saksi yang dilindungi itu dicam.

(2) Mana-mana orang yang menyediakan laporan berlanggaran dengan subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan juga didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

BAHAGIAN VII

KETERANGAN

Ketidakselarasan dengan Akta Keterangan 1950

17. Bahagian ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa ketidakselarasan dengan Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

Pernyataan oleh mana-mana orang yang sudah mati, dsb.

18. Suatu pernyataan yang dibuat sama ada secara lisan atau bertulis, semasa, atau bagi maksud, suatu penyiasatan atau siasatan tentang suatu kesalahan keselamatan oleh mana-mana orang yang sudah mati atau yang tidak dijumpai, atau yang menjadi tidak berupaya untuk memberikan keterangan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.

Sabitan berdasarkan testimoni kanak-kanak dalam usia mentah

19. Suatu sabitan yang diperoleh berdasarkan testimoni yang tidak disokong oleh kanak-kanak dalam usia mentah tidaklah menyalahi undang-undang, walaupun tidak diberikan secara bersumpah, jika mahkamah berpendapat bahawa kanak-kanak itu mempunyai kepintaran yang mencukupi dan memahami kewajipan untuk bercakap benar.

Dokumen yang disita semasa serbuan atau semasa penyiasatan

20. Semua dokumen yang disita semasa serbuan atau semasa penyiasatan dan kandungan dokumen itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.

Keterangan mengenai pengecaman tertuduh atau orang lain

21. Keterangan mengenai pengecaman seseorang tertuduh atau orang lain sebelum perbicaraan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan walaupun pengecaman itu dilakukan melalui gambar foto atau kaedah lain atau dijalankan dalam hal keadaan yang dalamnya saksi yang mengecam tertuduh atau orang lain itu tidak dapat dilihat oleh tertuduh atau orang lain itu.

Senarai pengeledahan hendaklah diterima sebagai keterangan

22. Senarai pengeledahan semua dokumen dan benda yang disita semasa serbuan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah untuk membuktikan kewujudan dokumen dan benda yang disita itu yang tidak dikemukakan di mahkamah oleh sebab sifat dokumen dan benda itu.

Tidak mengemukakan ekshibit

23. Tidak mengemukakan ekshibit sebenar yang dilindungi di bawah seksyen 8 dan 11 tidak menjejaskan kes pendakwaan.

Kebolehterimaan komunikasi yang dipintas

24. Jika seseorang dipertuduh atas suatu kesalahan keselamatan, apa-apa maklumat yang diperolehi melalui pemintasan komunikasi di bawah seksyen 6 hendaklah boleh diterima sebagai keterangan semasa perbicaraannya dan tiada seorang pun atau pegawai polis berada di bawah apa-apa kewajipan, obligasi atau liabiliti atau dengan apa-apa cara boleh dipaksa untuk menzahirkan dalam apa-apa prosiding tatacara, kaedah, cara atau apa-apa jalan atau peranti, atau apa-apa perkara jua pun mengenai apa-apa perkara yang dilakukan di bawah seksyen 6.

Kebolehterimaan dokumen yang dihasilkan oleh komputer dan pernyataan yang terkandung dalamnya

25. Apa-apa dokumen yang dihasilkan oleh komputer dan pernyataan yang terkandung dalamnya hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.

Keterangan oleh rakan sejenayah dan ejen provokasi

26. (1) Walau apa pun apa-apa rukun undang-undang atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas suatu kesalahan keselamatan—

- (a) tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya oleh sebab saksi itu telah dengan apa-apa cara terlibat dalam pelakuan kesalahan keselamatan itu atau mempunyai pengetahuan tentang pelakuan kesalahan keselamatan itu; dan
- (b) tiada ejen provokasi boleh dianggap tidak boleh dipercayai hanya oleh sebab dia telah cuba untuk bersubahat dalam atau telah menyubahati dalam pelakuan kesalahan keselamatan itu oleh mana-mana orang jika percubaan untuk bersubahat atau penyubahatan itu adalah bagi maksud semata-mata untuk mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Walau apa pun apa-apa rukun undang-undang atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, dan walaupun ejen provokasi itu ialah seorang pegawai polis tidak kira pangkatnya, apa-apa pernyataan, sama ada secara lisan atau bertulis yang dibuat kepada ejen provokasi oleh mana-mana orang yang kemudiannya dipertuduh atas suatu kesalahan keselamatan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan semasa perbicaraannya.

BAHAGIAN VIII**PELBAGAI****Kuasa untuk merekod pernyataan dan pengakuan salah**

27. (1) Mana-mana Hakim Mahkamah Sesyen boleh merekodkan apa-apa pernyataan atau pengakuan salah yang dibuat kepadanya pada bila-bila masa sebelum permulaan perbicaraan.

(2) Pernyataan atau pengakuan salah itu hendaklah direkodkan sepenuhnya secara bertulis oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang kepadanya pernyataan atau pengakuan salah itu dibuat dan hendaklah kemudiannya dikemukakan kepada mahkamah yang di hadapannya kes itu akan dibicarakan.

(3) Tiada Hakim Mahkamah Sesyen boleh merekodkan apa-apa pernyataan atau pengakuan salah melainkan jika, apabila menyoal orang yang membuat pernyataan atau pengakuan salah itu, dia berpuas hati bahawa pernyataan atau pengakuan salah itu telah dibuat tanpa ugutan, dorongan atau janji pada masa itu.

(4) Apabila Hakim Mahkamah Sesyen merekodkan apa-apa pengakuan salah dia hendaklah membuat suatu memorandum di kaki rekod itu seperti yang berikut:

“Saya berpuas hati bahawa pengakuan salah ini telah dibuat tanpa ugutan, dorongan atau janji. Pengakuan salah itu telah dibuat dalam kehadiran dan pendengaran saya dan telah dibacakan semula kepada orang yang membuatnya dan diakui oleh orang itu sebagai betul dan pengakuan salah itu mengandungi kenyataan yang lengkap dan benar mengenai apa yang dikatakannya.

(Ditandatangani) A.B.
Hakim Mahkamah Sesyen.”

(5) Sumpah atau ikrar hendaklah diangkat atau dibuat oleh mana-mana orang yang membuat pernyataan atau pengakuan salah di bawah seksyen ini.

Perlindungan pemberi maklumat

28. (1) Tiada aduan oleh pemberi maklumat tentang kesalahan keselamatan di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana jua prosiding sivil atau jenayah, dan tiada saksi boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat, atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan dia diketahui.

(2) Jika mana-mana buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana jua prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa entri yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan dia diketahui, mahkamah yang di hadapannya prosiding itu diadakan hendaklah menyebabkan semua petikan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui, tetapi tidak lebih daripada itu.

Akses oleh polis kepada tahanan atau banduan

29. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, pegawai polis yang menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini hendaklah diberi akses kepada mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan yang—

- (a) ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain; atau
- (b) di bawah pengurungan dalam penjara, sama ada telah disabitkan atau tidak.

Penahanan sementara menunggu proses undang-undang habis

30. (1) Walau apa pun Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan, jika mahkamah perbicaraan membebaskan tertuduh bagi kesalahan keselamatan Pendakwa Raya boleh memohon secara lisan kepada mahkamah untuk tertuduh direman di dalam penjara sementara menunggu notis rayuan difailkan terhadap pembebasan tertuduh itu oleh Pendakwa Raya.

(2) Atas permohonan oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1), mahkamah hendaklah memerintahkan tertuduh itu direman di dalam penjara sementara menunggu notis rayuan difailkan.

(3) Apabila Pendakwa Raya memfailkan rayuan terhadap pembebasan itu, Pendakwa Raya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi suatu perintah untuk memenjarakan tertuduh itu sementara menunggu beresnya rayuan itu.

(4) Atas permohonan oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen (3), mahkamah hendaklah memenjarakan tertuduh itu sementara menunggu beresnya rayuan itu.

(5) Jika rayuan oleh Pendakwa Raya ditolak dan perintah pembebasan itu disahkan, Pendakwa Raya boleh membuat permohonan secara lisan kepada mahkamah supaya tertuduh itu direman di dalam penjara sementara menunggu notis rayuan difailkan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan oleh Pendakwa Raya.

(6) Atas permohonan oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen (5), mahkamah hendaklah mereman tertuduh di dalam penjara sementara menunggu pemfailan notis rayuan itu.

(7) Seseorang tertuduh yang dipenjarakan di bawah seksyen ini hendaklah ditahan sehingga semua rayuan dibereskan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

31. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan sepenuhnya atau menjalankan peruntukan Akta ini.

Pemansuhan dan kecualian

32. (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [*Akta 82*] dimansuhkan.

(2) Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 tidaklah menjejaskan—

- (a) apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Akta yang dimansuhkan itu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu oleh Menteri; dan
- (b) apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil di bawah Akta yang dimansuhkan itu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 3)

KESALAHAN KESELAMATAN

Kanun Keseksaan [*Akta 574*]:

- (i) Kesalahan di bawah Bab VI
- (ii) Kesalahan di bawah Bab VIA

Rang Undang-Undang

JADUAL KEDUA

(Seksyen 7)

BORANG

PERANTI PENGAWASAN ELEKTRONIK

MAHKAMAH TINGGI DI MALAYA/MAHKAMAH TINGGI DI SABAH DAN
SARAWAK

1. Nama:.....
2. No. Kes:
3. No. Kad Pengenalan:
4. Alamat:
.....
.....
5. No. Telefon:
6. Anggota keluarga untuk dihubungi:
7. Tempoh peranti pengawasan elektronik (“peranti”) dipasang:
8. Terma-terma dan syarat-syarat—
 - (a) untuk melaporkan diri di balai polis yang terdekat pada/bagi tiap-tiap
 - (b) memahami bahawa semua pergerakan akan dijejaki dan disimpan sebagai rekod rasmi;
 - (c) bersetuju untuk dikehendaki untuk melaporkan diri bagi pemeriksaan kelengkapan peranti jika perlu;
 - (d) untuk memberitahu pegawai polis jika terdapat apa-apa perubahan alamat;
 - (e) untuk membenarkan pemeriksaan peranti oleh pegawai polis;
 - (f) untuk melaporkan diri di balai polis yang terdekat bagi peranti itu dibuka;
 - (g) untuk memulangkan semua kelengkapan peranti kepada pegawai polis;
 - (h) untuk mematuhi tatacara yang dikehendaki oleh pegawai polis;

- (i) untuk menyenggara peranti sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai polis;
- (j) untuk mematuhi apa-apa arahan pegawai polis;
- (k) untuk mematuhi apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah;

9. Ketidapatuhan terma-terma dan syarat-syarat ini merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 7(6) Akta ini.

Saya dengan ini bersetuju dan akan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang ini.

.....
()

HURAIAN

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang dicadangkan (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas dalam menangani kesalahan keselamatan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta yang dicadangkan. Akta yang dicadangkan bertujuan untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [*Akta 82*] dan pada masa yang sama menyedari risiko yang serius kepada keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam yang ditimbulkan oleh ancaman keganasan, sabotaj dan pengintipan. Oleh itu Akta yang dicadangkan dibuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan.

2. Kepentingan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan ialah peruntutannya membenarkan ketidakselarasan dengan Perkara 5, 9, 10 dan 13 Perlembagaan Persekutuan yang turut membenarkan Parlimen membuat undang-undang di luar kewibawaan perundangan yang normal.

3. Akta yang dicadangkan dibahagikan kepada lapan Bahagian. Peruntukan permulaan Akta yang dicadangkan dinyatakan dalam *fasal 1* (tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa), *fasal 2* (pemakaian) dan *fasal 3* (tafsiran) yang selepas itu diikuti dengan Bahagian II mengenai kuasa khas bagi kesalahan keselamatan.

4. Daripada kesemua peruntukan Akta yang dicadangkan, *fasal 4* adalah yang paling penting. Di bawah *fasal 4* seorang pegawai polis mempunyai kuasa khas penangkapan dan penahanan ke atas orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan. *Fasal* itu merupakan penyimpangan daripada Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan yang mana selepas dua puluh empat jam penahanan polis, seseorang boleh ditahan lanjut sehingga dua puluh lapan hari oleh polis bagi maksud penyiasatan. Dalam *fasal* itu juga, seseorang yang tidak ditahan lanjut boleh dipasang dengan peranti pengawasan elektronik bagi baki tempoh tahanan dua puluh

lapan hari. Walau apa pun kuasa khas penangkapan dan penahanan di bawah *fasal* ini, elemen penting di bawah *fasal* ini yang mesti ditekankan ialah tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah *fasal* ini semata-mata kerana kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya.

5. *Fasal 5* membenarkan tahanan untuk memberitahu waris kadimnya dengan segera dan membenarkan tahanan untuk berunding dengan pengamal undang-undang tetapi hak untuk berunding dengan pengamal undang-undang itu boleh ditangguhkan sehingga empat puluh lapan jam jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa perjalanan hak itu boleh menjejaskan keterangan yang berkaitan dengan kesalahan keselamatan atau ia akan membawa kepada kemudaratan kepada orang lain atau ia akan menyebabkan amaran diberikan kepada orang lain yang disyaki melakukan kesalahan itu tetapi belum lagi ditangkap atau ia akan menghalang harta yang diperoleh akibat kesalahan itu daripada didapatkan.

6. *Fasal 6* memperuntukkan kuasa untuk memintas komunikasi. Selain kuasa biasa untuk memintas dengan kebenaran Pendakwa Raya, Penguasa Polis boleh memintas tanpa kebenaran dalam hal mendesak dan mendadak yang memerlukan tindakan segera. Jika polis bertindak tanpa kebenaran terlebih dahulu, *fasal* itu menghendaki polis untuk memaklumkan Pendakwa Raya dengan segera.

7. *Fasal 7* menyatakan tatacara untuk diikuti apabila polis berhasrat untuk memasang peranti pengawasan elektronik untuk membantu penyiasatan ke atas seseorang yang tidak ditahan lanjut di bawah *fasal 4*.

8. Bahagian IV memperkatakan mengenai tatacara khas yang berhubungan dengan maklumat sensitif. Bahagian ini memperkatakan mengenai tiga situasi, pertama, jika maklumat sensitif akan digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraan oleh Pendakwa Raya, kedua apabila tertuduh berhasrat untuk menggunakan maklumat sensitif dalam pembelaannya dan ketiga apabila maklumat sensitif berbangkit semasa perbicaraan. Maklumat sensitif ditakrifkan dalam *fasal 3* sebagai apa-apa dokumen, maklumat dan bahan yang berhubungan dengan Jemaah Menteri, jawatankuasa Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau yang menyentuh kedaulatan, keselamatan negara, pertahanan, ketenteraman awam dan hubungan antarabangsa sama ada yang dikelaskan atau tidak sebagai “Rahsia Rasmi”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad” oleh menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik oleh menteri.

9. *Fasal 8* memperkatakan mengenai keadaan apabila maklumat sensitif hendak digunakan sebagai keterangan. Di bawah seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] adalah mandatori bagi pendakwaan untuk membekalkan apa-apa dokumen atau laporan yang akan membentuk sebahagian kes pendakwaan kepada pembelaan sebelum permulaan perbicaraan itu. *Fasal 8* membenarkan Pendakwa Raya untuk membuat permohonan *ex parte* kepada mahkamah untuk dikecualikan daripada kehendak di bawah seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah. *Fasal* ini memperuntukkan perlindungan kepada tertuduh yang dengannya peguam belanya bolehlah dibenarkan untuk melihat maklumat sensitif itu dan mempertikaikan terhadap penerimamasukannya jika tertuduh membantah penerimamasukan pernyataan atau ringkasan maklumat sensitif itu sebagai keterangan.

10. *Fasal 9* memperkatakan keadaan yang berlawanan jika tertuduh berhasrat untuk menggunakan maklumat sensitif dalam pembelaannya. *Fasal* ini menghendaki tertuduh untuk memberikan dua hari notis kepada Pendakwa Raya dan mahkamah secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian.

11. *Fasal 10* memperuntukkan tatacara sebaik sahaja tertuduh memfailkan notis untuk menggunakan maklumat sensitif dalam pembelaannya.

12. *Fasal 11* sementara itu memperkatakan keadaan apabila maklumat sensitif berbangkit semasa perbicaraan di bawah seksyen 51 Kanun Tatacara Jenayah. *Fasal* ini memperuntukkan perlindungan iaitu bahawa mahkamah tidak boleh mengarahkan Pendakwa Raya untuk mengemukakan pernyataan atau ringkasan maklumat sensitif itu jika Menteri memperakui bahawa pengumuman pernyataan atau ringkasan itu memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara.

13. Bahagian V memperkatakan perbicaraan. Terdapat dua *fasal* dalam Bahagian ini. *Fasal 12* memperuntukkan perbicaraan kesalahan keselamatan dan *fasal 13* memperkatakan mengenai jaminan. Pada amnya jaminan tidak boleh diberikan kepada tertuduh dalam kesalahan keselamatan kecuali jika tertuduh tergolong dalam pengecualian *fasal* itu. Jika jaminan diberikan di bawah pengecualian, Pendakwa Raya boleh memohon supaya peranti pengawasan elektronik dipasangkan kepada tertuduh mengikut Kanun Tatacara Jenayah.

14. Bahagian VI memperkatakan tatacara khas yang berhubungan dengan saksi yang dilindungi. *Fasal 14* memperuntukkan cara khas bagi pemberian keterangan oleh saksi yang dilindungi. *Fasal 15* memperuntukkan pengecaman oleh saksi jika keterangan diambil secara tertutup dan *fasal 16* memperuntukkan perlindungan identiti saksi.

15. Bahagian VII memperkatakan mengenai keterangan. Terdapat 11 *fasal* dalam Bahagian ini. *Fasal 17* memperuntukkan bahawa Bahagian VII hendaklah mempunyai kuat kuasa walaupun peruntukan itu tidak selaras dengan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. *Fasal 18* memperuntukkan pernyataan oleh mana-mana orang yang sudah mati, dsb. *Fasal 19* memperuntukkan sabitan berdasarkan testimoni kanak-kanak dalam usia mentah. *Fasal 20* memperuntukkan dokumen yang disita semasa serbuan atau semasa penyiasatan. *Fasal 21* memperuntukkan keterangan pengecaman tertuduh atau orang lain. *Fasal 22* memperuntukkan senarai pengeledahan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan. *Fasal 23* memperuntukkan bahawa tidak mengemukakan ekshibit tidaklah menjejaskan kes pendakwaan. *Fasal 24* memperuntukkan kebolehterimaan komunikasi yang dipintas. *Fasal 25* memperuntukkan kebolehterimaan dokumen yang dihasilkan oleh komputer dan pernyataan yang terkandung dalamnya. *Fasal 26* memperuntukkan keterangan rakan sejenayah dan ejen provokasi.

16. Bahagian VIII memperkatakan peruntukan pelbagai dalam Akta yang dicadangkan. Terdapat 5 *fasal* dalam Bahagian ini. *Fasal 27* memperuntukkan kuasa untuk merekodkan pernyataan dan pengakuan. *Fasal 28* memperuntukkan perlindungan pemberi maklumat. *Fasal 29* memperuntukkan akses polis kepada orang yang ditahan atau dipenjarakan. *Fasal 30* memperuntukkan penahanan

sementara menunggu proses undang-undang habis. *Fasal 31* memperuntukkan kuasa am untuk membuat peraturan-peraturan. *Fasal 32* merupakan *fasal* terakhir Akta yang dicadangkan dan memperuntukkan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan peruntukan kecualian.

17. Terdapat dua Jadual dalam Akta yang dicadangkan. Jadual Pertama ialah Jadual bagi kesalahan dalam Kanun Keseksaan yang dikelaskan sebagai kesalahan keselamatan. Jadual Kedua merupakan borang untuk pemasangan Peranti Pengawasan Elektronik ke atas seseorang yang tidak perlu ditahan lanjut tetapi polis masih menghendaki kerjasamanya dalam penyiasatan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2838]